

KUALA LUMPUR, 16 JULAI (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR HARI INI MENSIKATKAN JAWATANNYA YANG BARU SEBAGAI PERDANA MENTERI MALAYSIA YANG KEEMPAT SEBAGAI +SATU BEBAN BESAR+. +IA AKAN MENJADI BEBAN BESAR KEPADA SAYA KERANA KINI SAYA TIDAK MEMPUNYAI SESIAPA PUN UNTUK MERUJUK ATAU BERUNDING.+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENGUCAP SELAMAT BERPISAN KEPADA TUN HUSSEIN ONN DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI.

TUN HUSSEIN, SEBELUM ITU, TELAH MENYERANKAN JAWATAN PERDANA MENTERI KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN MENGUCAP SELAMAT BERPISAN KEPADA KAKITANGANNYA DAN LAIN-LAIN KAKITANGAN JABATAN LAIN DI KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENSIKATKAN ANUGERAH YUN YANG DIBERI KEPADA DATUK HUSSEIN JALAN SATU PENGHARGAAN NEGARA BAGI PERKHIDMATANNYA KEPADA NEGARA. 112

MENGENAI FAEDAN-FAEDAN PESARAAN BAGI TUN HUSSEIN, JELASNYA IA TELAN DITETAPKAN DAN IA AKAN DIBERI KEPADA KESEMUA PERDANA MENTERI LAIN SETELAN BERSARA. — BERNAMA 1332/LK

B553

MAHATHIR-BEBAN 2 KUALA LUMPUR (SAMBUNG BERITA B546)

DI PULAU PINANG, TUNKU ABDUL RAHMAN MENYATAKAN KEYAKINANNYA HARI INI BAHAWA DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MENJADI SEORANG PEMIMPIN YANG BAIK JIKA BELIAU MENGIKUT JEJAK LANGKAH PERDANA-PERDANA MENTERI YANG LALU.

TUNKU BERKATA, +DR. MAHATHIR MASIH MUDA, SIHAT DAN CERGAS, BELIAU BERPELAJARAN TINGGI, PINTAR BERFIKIR DAN PANDAI BERSYARAH.

+ APA YANG BELIAU PERLU LAKUKAN JALAN MEMBUAT SEPERTI YANG PERNAH DILAKUKAN OLEH ORANG-ORANG SEBELUMNYA DAN BELIAU HENDAKLAH MENJADIKAN MALAYSIA SEBUAH NEGARA YANG GEMBIRA, AMAN DAN MAKMUR+.

TUNKU BERKATA KADANG KALA DATUK SERI DR. MAHATHIR TIDAK BERSEPENDAPAT DENGANNYA DAN DASAR-DASARNYA.

+KINI BELIAU SUDAH SAMPAI KE PERINGKAT ITU, BELIAU AKAN FAHAM APA YANG BERLAKU KEPADA SAYA DAN BELIAU TENTU BOLEH MENYESUAIKAN DIRINYA DENGAN JAWATAN BARUNYA.

—BERSAMBUNG 1238/HM

8354

MAHATHIR-BEBAN 3 KUALA LUMPUR

→UNTUK MENJADI SEORANG PEMIMPIN NEGARA INI, PATUT SAYA TAMBAH, IALAH ATAS KEREDHAAN ALLAH. DAN SEBAGAI SEORANG PEMIMPIN TULEN, BELIAU HENDAKLAM MENGHORMATI IKRAR-IKRAR YANG DIBUAT KEPADA RAKYAT DAN BERTINDAK MENGIKUT KEHENDAK ALLAH. → TAMBAHNYA.

TUNKU JUGA MELAHIRKAN PENGHARGAAN KEPADA DARI SERI. DR. SITI HASMAH. → BELIAU BERPELAJARAN DAN AKAN MENJADI PENOLONG YANG BAIK KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR. →

KATANYA DATIN SERI DR. SITI HASMAH TELAH MEMBANTU PERKIM MERAWAT ORANG-ORANG SAKIT DI KLINIK-KLINIK PERKIM. — BERSAMBUNG 1430/HM

8355:

MAHATHIR -BEBAN 4 KUALA LUMPUR

DI KOTA BAHARU, MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMED YAACOB YAKIN PERKEMBANGAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DI KELANTAN AKAN MENJADI BERTAMBAH PESAT LAGI PADA MASA DEPAN DI BAWAH PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

DATUK HAJI MOHAMED JUGA YAKIN TENTANG KEIKHLASAN PERDANA MENTERI BARU ITU HENDAK MEMAJUKAN KELANTAN DI BIDANG EKONOMI SERTA MEMPERKUATKAN LAGI KEDUDUKAN UMNO DI NEGERI INI.

MERGENAI DATUK HUSSEIN ONN YANG BERSARA HARI INI, MENTERI BESAR ITU BERKATA KERAJAAN DAN RAKYAT KELANTAN AKAN BERDOA AGAR DATUK HUSSEIN DAN KELUARGANYA SENTIASA DALAM KEADAAN SELAMAT SERTA DIPANJANGKAN UMUR.

DI KANGAR, UMNO NEGERI PERLIS YAKIN NEGARA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN YANG LEBIH CEMERLANG LAGI DI BAWAH PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR.

TIMBALAM PENERUSI BADAN PERHUBUNGAN UMNO NEGERI ITU SYED HASSAN SYED MOHAMED KETIKA MENGALU-ALUKAN PERLANTIKAN DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA RAKYAT PERLIS KHASNYA UMNO PENUH YAKIN DI ATAS PIMPINAN DAN KEDOLEHANNYA. — BERSAMBUNG 1426/1B

8356:

MAHATHIR-BEBAN 5 KUALA LUMPUR

DI SEREMBAN, MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN DATUK RAIS YATIM JUGA MENGUCAPKAN TAMNIAH KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR DAN BERKATA BENAGA SANGAT BERUNTUNG KERANAMENDAPAT SEORANG PEMIMPIN YANG CERDAS, PINTAR DAN BERPANDANGAN JAUH YANG TIDAK SYAK LAGI AKAN MEMBAWA PEMBANGUNAN PESAT.

BERDASARKAN KEPADA NILAI KEPIMPINAN DAN KECENDERUNGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MELIHAT SESUATU PROJEK PEMBANGUNAN ITU BERJALAN LICIN DAN PESAT PROSES PEMBANGUNAN NEGARA AKAN MENCAPAI HASIL YANG MENGGALAKKAN DI BAWAH KEPIMPINAN BELIAU, KATANYA. — BERNAMA 1430/1B